

USIM sedia dana program alumni

SEREMBAN 14 Okt. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bersedia untuk memperuntukkan dana kepada ahli alumni universiti berkenaan bagi membantu mereka melaksanakan sebarang program khususnya melibatkan penuntut.

Pengurus Pejabat Perhubungan Alumni USIM, Dr. Mahazan Abdul Muta-lib berkata, universiti telah menetapkan garis panduan untuk permohonan dana tersebut oleh alumni dan jumlah yang diuluskan bergantung terhadap impak program yang ingin dilaksanakan.

"Saban tahun melalui Majlis Konvokesyen yang diadakan sejak 2002, alumni universiti yang dilahirkan sentiasa bertambah dan sehingga kini sudah melebihi 9,000 ahli.

"Tiada jumlah maksimum yang ditetapkan. Melalui dana ini, interaksi alumni bersama universiti akan sentiasa berlaku dan melaluinya juga, pengumpulan data-data terkini seperti kerjaya mereka selepas menamatkan pengajian diperolehi." katanya di sini baru-baru ini.

Jelasnya, Pejabat Perhubungan Alumni kini amat agresif dalam proses mengemas kini data-data alumni USIM.

"Selain penganjuran program dalam kalangan alumni, sebuah laman khas, Portal Alumni USIM (ealumni.usim.edu.my) turut dibangunkan.

"Ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat kerjaya secara menyeluruh bagi pembinaan pangkalan data alumni sekali gus membantu memenuhi keperluan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (Setara)" katanya.